

05 MAY 2002

Mahathir-Kelantan (Bergambar)

DR MAHATHIR CABAR PAS LAKSANAKAN SEGALA JANJINYA

LANGKAWI, 5 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencabar kerajaan Kelantan pimpinan Pas supaya melaksanakan segala janjinya untuk membawa pembangunan kepada rakyat negeri itu.

"Dia kata kalau ada kerajaan semua boleh buat...suruh dia buat," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas laporan akhbar mengenai tindakan kerajaan Kelantan pimpinan Pas menggadai tanah di beberapa kawasan di Ulu Kelantan kepada syarikat-syarikat swasta.

Laporan itu memetik Anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah sebagai berkata tindakan itu ada kaitan dengan kedudukan kewangan kerajaan negeri yang semakin meruncing sehingga terdesak mengambil keputusan menggadai tanah dianggarkan seluas 50,000 hektar.

Dr Mahathir berkata jika kerajaan Kelantan mendakwa boleh melaksanakan apa juga program pembangunan untuk rakyat negeri itu, ia perlu dilaksanakan.

"Kalau kerajaan negeri (Kelantan) boleh buat macam mana kerajaan Barisan Nasional boleh buat, buatlah," katanya.

Laporan itu juga memetik Tengku Razaleigh sebagai berkata bahawa sebelum BN mengambil alih tampuk pemerintahan di Kelantan pada 1980, kerajaan Pas ketika itu pernah menggadai tanah di Ulu Kelantan seluas 380,000 hektar kepada sebuah syarikat asing di Singapura.

Bagaimanapun, Tengku Razaleigh berkata tanah terbabit ditebus semula oleh kerajaan BN apabila mengambil alih tampuk pemerintahan di negeri itu daripada Pas pada 1980.

Ketika ditanya apa akan berlaku kepada nasib rakyat negeri itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tak tahu macam mana nak kata."

"Saya tak berani nak kata," katanya ketika ditanya sama ada jika perkara itu berlarutan ia akan menjejaskan kerajaan pusat.

-- BERNAMA

NH MAI